



PEKELILING RASMI NAIB CANCELOR BIL. 3/2020

**ARAHAN PEMATUHAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
MELIBATKAN PELAJAR UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling Rasmi Naib Canselor Bil. 3/2020 ini adalah bagi memaklumkan mengenai Arahan Pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Melibatkan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang akan dilaksanakan berkuatkuasa mulai 19 Mac sehingga 31 Mac 2020.

2.0 ARAHAN UNTUK KEKAL BERADA DI KOLEJ KEDIAMAN ATAU RUMAH SEWA KEDIAMAN PELAJAR

Bagi menguatkuasakan Perintah tersebut, semua pelajar UTHM yang masih berada di Kolej Kediaman atau di rumah sewa pelajar adalah **DIARAHKAN UNTUK KEKAL BERADA DI KEDIAMAN MASING-MASING DAN TIDAK DIBENARKAN PULANG KE KAMPUNG.**

3.0 GARIS PANDUAN BAGI MELAKSANAKAN ARAHAN PEMATUHAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN MELIBATKAN PELAJAR UTHM

3.1 Arahan ini adalah untuk mematuhi langkah membendung penularan wabak COVID-19 melalui Perintah Kawalan Pergerakan yang dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

3.2 Selaras dengan itu, bersama-sama ini dilampirkan **Garis Panduan Pengurusan Penempatan Berpusat Sementara/Sedia Ada Di Kolej-Kolej Kediaman Dan Pelajar Tanpa Asrama (PTA) Berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** yang disediakan oleh Jawatankuasa Kerja Khas HEPA (Pengurusan Krisis COVID-19), selari dengan arahan oleh Kerajaan Malaysia dan edaran dokumen soalan lazim (FAQ) oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang telah diedarkan pada 18 Mac 2020.

3.3 Garis panduan ini adalah meliputi pengurusan berkaitan keperluan asas, kebajikan dan keselamatan, di samping tatacara jelas berkaitan keperluan kawalan pergerakan semasa berada di premis Kolej-Kolej Kediaman dan penempatan rumah sewa bagi pelajar tanpa asrama.

3.4 Garis panduan yang dinyatakan ini adalah sebagaimana **Lampiran 1**.

4.0 PERLANGGARAN ARAHAN

Pelajar yang didapati melanggar arahan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Malaysia (Tatatertib Pelajar) 2009

5.0 TARIKH KUATKUASA

Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan. Adalah diharapkan agar semua pihak sentiasa mematuhi langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan penularan COVID-19 daripada berleluasa dan sentiasa berada di bawah lindungan Allah SWT. Semoga kita semua sentiasa terus cekal dan tabah dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,

YBHG PROF. DATUK TS. DR. WAHID BIN RAZZALY
Menjalankan Tugas Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
19 Mac 2020

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENEMPATAN BERPUSAT SEMENTARA/SEDIA ADA
DI KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN DAN PELAJAR TANPA ASRAMA (PTA)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai tatacara pengurusan para pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- 1.2 Garis panduan ini terpakai kepada pelajar-pelajar yang sedang menginap di penempatan berpusat sementara/sedia ada di kolej-kolej kediaman dan pelajar tanpa asrama (PTA), selain para pelajar yang sedang menjalani proses kuarantin.
- 1.3 Ini adalah selari dengan arahan oleh Kerajaan Malaysia dan edaran dokumen soalan lazim (FAQ) oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merujuk kepada Perkara A (1) seperti berikut.



SOALAN LAZIM (FAQ's)
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (MOVEMENT CONTROL ORDER)
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

A) UNIVERSITI AWAM (UA) DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS)

1. Bagaimana dengan pengurusan pelajar bagi yang tidak dapat pulang ke rumah masing-masing?

Para pelajar UA dan IPTS termasuk pelajar antarabangsa yang masih berada di kampus (kolej kediaman, rumah sewa atau kediaman peribadi yang lain) perlu **KEKAL** berada di premis tersebut walaupun bagi pelajar yang telah membeli tiket pengangkutan ke kampung halaman. Para pelajar **TIDAK DIBENARKAN** untuk pulang ke kampung halaman/negara asal masing-masing sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan.

Mereka hendaklah melaporkan kepada pihak pengurusan UA dan IPTS dan tertakluk kepada perintah yang berkuatkuasa. UA dan IPTS perlu bertanggungjawab ke atas keperluan asas, keselamatan dan kebajikan pelajar sepanjang keberadaan mereka di kampus.

Petikan: Perkara A (1) soalan lazim oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

2.0 KEPERLUAN ASAS, KEBAJIKAN & KESELAMATAN PELAJAR

Pihak UTHM akan membantu dalam menyediakan keperluan asas, keselamatan dan kebajikan pelajar sepanjang keberadaan mereka di kampus.

2.1 Perkhidmatan Jualan Makanan & Keperluan Harian

Kolej Kediaman	Jualan Makanan (Takeaway)	Kedai Keperluan Harian
Kolej Kediaman Tun Syed Nasir (KKTSN)	✓	✓
Kolej Kediaman Tun Dr Ismail (KKTDI)	✓	✓
Kolej Kediaman Tun Fatimah (KKTF)	✓	✓
Kolej Kediaman Perwira (KKP)	✓	✓ (Kedai Luar-Sorlinaz)
Kolej Kediaman Bestari (KKB)	✓	✓
Kolej Kediaman Pagoh 1, 2 dan 3	✓	✓

2.2 No Telefon Rujukan (Kebajikan & Kecemasan)

Kolej Kediaman	Rujukan	
	1	2
Kolej Kediaman Tun Syed Nasir (KKTSN)	Ts. Dr. Zamri Bin Noranai ☎019-4272051	Cik Yazilah Binti Md Yazir ☎011-37735453
Kolej Kediaman Tun Dr Ismail (KKTDI)	Dr. Adi Syahid Bin Mohd Ali ☎019-4952823	Dr. Mohd Nizam Bin Attan ☎019-4740205
Kolej Kediaman Tun Fatimah (KKTF)	Puan Noreina Binti Kepal @ Nasir ☎013-3979883	Encik Mohd Fikri Bin Mohd Masrom ☎019-3036395
Kolej Kediaman Perwira (KKP)	Dr. Muhammad Hafizul Amin Bin Jimaain ☎013-2604139	Puan Norfauzan Binti Md Sarwin ☎019-6016465
Kolej Kediaman Bestari (KKB)	Ts. Mohd Safiee Bin Idris ☎019-4434668	Encik Fakarul Hakim Bin Mohd Hanizam ☎012-9752286
Kolej Kediaman Pagoh 1, 2 dan 3	Puan Ziana Binti Che Ros ☎019-7269921	Ts. Md Norrizam Bin Mohmad Ja'at @ Mohd Noh ☎013-7438477

2.3 Pergerakan Pelajar

Dalam tempoh PKP ini, pergerakan para pelajar keluar/masuk dari kawasan penginapan berpusat di kolej kediaman masing-masing akan dikawal oleh pihak keselamatan bertugas serta direkodkan.

2.4 Saluran Komunikasi

Pihak kolej kediaman akan mewujudkan saluran komunikasi antara pentadbiran dan para pelajar bagi memudahkan sebarang penyampaian maklumat.

2.5 Penutupan Penggunaan Ruang Gunasama di Kolej-kolej Kediaman

Penggunaan ruang seperti surau, dewan aktiviti pelajar, ruang gunasama, gimnasium, gelanggang sukan adalah ditutup bagi sebarang aktiviti.

2.6 Dasar “Stay at Home”

Para pelajar dinasihatkan untuk berada di rumah/bilik masing-masing selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri Malaysia, “just stay at home” bagi meminimalkan sebarang pergerakan.

2.7 Pembelian Makanan Secara Penghantaran (Food Delivery)

Para pelajar masih boleh membuat tempahan makanan secara perkhidmatan bagi penghantaran terus ke lokasi kolej-kolej kediaman.

2.8 Lawatan & Pengambilan Pelajar oleh Ibu Bapa/Waris

Ibu bapa/waris pelajar adalah dinasihatkan untuk tidak membuat lawatan atau mengambil pelajar-pelajar agar perkara ini kekal selari dengan arahan PKP.

2.9 Pelajar Tanpa Asrama (PTA)

Para pelajar tanpa asrama (PTA) yang berada di rumah sewa hendaklah kekal di rumah sewa masing-masing selari dengan arahan PKP ini sebagaimana orang awam lain. Sekiranya terdapat sebarang kesukaran, bolehlah berhubung dengan Pengetua Pelajar Tanpa Asrama (PTA), Prof Madya Ts Dr Mohd Rasidi Bin Ibrahim (019-364 5165).

3.0 PELANGGARAN

Garis panduan ini adalah berdasarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disandarkan kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

3.1 Penguatkuasaan Arahan

Semua staf yang diberi kuasa untuk melaksanakan arahan ini iaitu staf Kolej Kediaman Universiti dan Bahagian Keselamatan atau mana-mana staf lain yang dinamakan adalah pihak penguatkuasa kepada arahan ini dan boleh membuat teguran terus kepada pelajar.

3.2 Pelanggaran Arahan

Mana-mana pelajar yang tidak mematuhi arahan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib atas pelanggaran arahan universiti berdasarkan Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar) 2009.

4.0 MAKLUMAT LANJUT

Untuk sebarang maklumat lanjut mengenai garis panduan ini, sila hubungi:

Encik Nur Azam Bin Mohd Napis ☎017-6470624

Pegawai Khas Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Disediakan Oleh:

Jawatankuasa Kerja Khas HEPA (Pengurusan Krisis COVID-19)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

19 Mac 2020